

BAB

LIMA

## BAB LIMA

### PENUTUP

Hasil daripada kajian ini dapat dibuat beberapa kesimpulan berkaitan dengan zakat, sama ada dari segi konsepnya, jenis-jenisnya, golongan pembayar dan penerima yang berhak, dan masalah-masalah yang pernah berlaku. Begitu juga asas-asas yang digunapakai dan polisi yang dijalankan dalam pengurusan zakat sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga berakhirnya zaman khalifah Islam yang keempat, iaitu Khalifah Ali b. Abi Tālib r.'a..

#### 5.1. Kesimpulan Kajian

Perkataan zakat berasal daripada bahasa Arab, iaitu *al-zakāt*. Ia merangkumi sedekah wajib dan sedekah sunat. Kadangkala ia disebut dengan lafaz *sadaqah* (sedekah), *nafaqah* (belanja), *haq* (hak) dan *al-'afw* (berlebihi). Dari sudut bahasa perkataan zakat merupakan kata dasar (*maṣdar*) bagi perkataan *zakā* yang bererti *al-ṭahārah* (suci), *al-namā'* (tumbuh), *al-barakah* (berkat) dan *al-madh* (terpuji). Manakala menurut istilah Syarak ia merupakan penyerahan wajib sebahagian harta setelah cukup syarat-syaratnya dengan kadar yang tertentu kepada segolongan orang yang berhak menerimanya.

Zakat boleh dibahagikan kepada dua, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Dari segi sejarah, zakat fitrah difardukan lebih awal daripada zakat harta berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Qays b. Sa'd r.'a. Dalil-dalil yang

menyabitkan kewajipan zakat, sama ada zakat harta atau zakat fitrah adalah melalui ayat-ayat al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulama, dan logik akal. Al-Quran tidak memperincikan jenis-jenis harta yang dikeluarkan zakat. Perincian tersebut dilakukan melalui al-Sunnah dan telah dikategorikan oleh para ulama hasil analisa mereka kepada lima, iaitu *al-māsyiyah* (binatang ternakan seperti kambing, unta dan lembu), *al-'ayn* (emas dan perak), *al-ḥarth* (hasil pertanian seperti gandum, barli, tamar, dan anggur), *al-rikāz wa al-ma'ādin* (galian), dan *al-tijārah* (perniagaan). Manakala bagi zakat fitrah, antara makanan yang dikeluarkan sebagai zakat ialah *ṭa'ām* (makanan), *syā'ir* (barli), *tamr* (kurma), *zabīb* (anggur kering), *daqīq* (tepung), *aqiṭ* (keju), *sult* (rai), *burr* (biji-bijian gandum), *qamḥ* (sejenis gandum), *ḥinṭah* (sejenis gandum).

Al-Quran tidak menjelaskan secara terperinci golongan yang wajib mengeluarkan zakat, sama ada zakat harta ataupun zakat fitrah. Perincian tersebut dilakukan melalui sabda, perlakuan dan perakuan (*taqrīr*) Nabi Muhammad s.a.w. Hasil analisa terhadap hadith-hadith berkaitan zakat, Ibn Qudāmah al-Maqdisī berpendapat golongan yang diwajibkan zakat ialah yang memenuhi syarat-syarat berikut, iaitu Islam, merdeka, memiliki harta yang cukup nisab, memiliki harta dengan milik yang sempurna, dan sempurna haul. Manakala bagi zakat fitrah pula, orang Islam yang wajib mengeluarkan zakat fitrah adalah seperti berikut, iaitu lelaki, perempuan, kanak-kanak, orang tua, orang yang merdeka, hamba, orang kaya, dan fakir. Bagi hamba, tuannya bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihaknya. Manakala bagi isteri pula, suaminya yang bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihaknya.

Berbeza dengan golongan yang wajib mengeluarkan zakat, golongan yang berhak menerima agihan zakat telah diperincikan oleh al-Quran dalam Surah al-Tawbah (9), ayat 60. Berdasarkan ayat tersebut, ada lapan golongan yang berhak mendapat agihan zakat, iaitu fakir, miskin, para petugas zakat (*al-'amilīn 'alaihā*), orang yang dijinakkan hatinya (*al-mu'allafah qulūbuhum*), hamba yang hendak memerdekakan dirinya (*al-riqāb*), orang yang berhutang (*al-ghārimīn*), pada jalan Allah (*fi sabīl Allāh*) dan musafir (*ibn al-sabīl*).

Kutipan dan agihan zakat tidak sunyi daripada masalah. Antara masalah yang pernah berlaku dan dibincangkan dalam kajian ini ialah masalah pembayaran zakat harta kepada pemerintah dan masalah agihan silap. Bagi masalah yang pertama, iaitu masalah pembayaran zakat harta kepada pemerintah para ulama berbeza pendapat dengan melihat kepada dua aspek, iaitu persoalan tentang kemampuan pemerintah menunaikan pengagihan zakat itu selaras dengan hukum Syarak dan persoalan tentang bentuk harta yang dibayar zakat itu. Pendapat yang mengatakan bahawa zakat wajib dibayar kepada pemerintah wajar diikuti kerana ia diperkuatkan oleh nas-nas Syarak dan contoh-contoh amalan para sahabat serta pendapat ulama muktabar. Bagi masalah yang kedua, iaitu masalah agihan silap kebanyakan ulama berpendapat bahawa jika pemerintah atau wakilnya (petugas zakat) yang melakukan agihan silap setelah melakukan siasatan dan ijtihad sebelum mengagihkannya, zakat yang dikeluarkan itu sah dan bagi pemerintah, ia tidak perlu mengagihkan semula zakat kepada *asnāf* yang berhak. Sebaliknya, apabila seseorang itu mengagihkan zakatnya sendiri melakukan kesilapan mengagihkan zakat kepada orang yang tidak termasuk dalam *asnāf* zakat yang berhak, ulama telah membincangkan masalah tersebut dengan melihat kepada dua

aspek, iaitu persoalan tentang status zakat yang telah diagih sama ada sah ataupun tidak dan persoalan tentang harta zakat yang diagihkan sama ada perlu diambil kembali ataupun tidak. Pendapat yang mengatakan bahawa orang yang silap mengagihkan zakatnya setelah melakukan siasatan secukupnya terhadap penerima agihan zakatnya tidak perlu mengeluarkan zakatnya semula dan zakatnya dikira sah wajar diikuti kerana ia diperkuatkan oleh nas-nas Syarak.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat asas-asas penting yang digunakan dalam proses kutipan dan agihan zakat. Asas-asas tersebut diperkukuhkan dengan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah. Antara asas-asas dalam kutipan zakat ialah berlaku keadilan dalam kutipan zakat, harta yang dikutip bukan dari harta yang disukai, pembayaran zakat adalah suatu kewajipan, menyegerakan pembayaran zakat, memudahkan kutipan zakat, jumlah dan kaedah kutipan hendaklah jelas dan tepat, galakan membayar melalui kempen dan nasihat, kutipan zakat dijalankan dengan tegas dan beradab, berdo'a kepada Allah s.w.t., dan terdapatnya badan yang mengawasi pengurusan zakat. Manakala asas-asas dalam agihan zakat ialah agihan zakat terhad kepada golongan yang berhak, penerima diharuskan meminta agihannya, mempercepatkan agihan zakat, mengutamakan agihan kepada penduduk setempat, dan amaun agihan hendaklah memenuhi keperluan penerima.

Dilihat dari perspektif sejarah, pentadbiran dan pengurusan zakat bermula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w., iaitu setelah baginda berjaya menubuhkan sebuah negara Islam di Madinah. Untuk meningkatkan pengurusan zakat, baginda s.a.w. sering memberi arahan secara lisan dan bertulis. Baginda juga melantik

pegawai untuk mendaftar dan mengaudit hasil kutipan zakat. Ketika itu baginda s.a.w. telah mula menghantar para pegawainya untuk mengutip zakat di luar kota Madinah seperti Yaman dan sebagainya. Polisi ini menjadi titik tolak dan panduan kepada polisi pemerintah seterusnya. Pada zaman Khalifah Abū Bakr r.‘a. tidak banyak pembaharuan yang dijalankan. Ini kerana keadaan umat Islam pada masa itu yang tidak stabil akibat wujudnya golongan yang enggan membayar zakat dan juga kerana tempoh pemerintahannya yang singkat. Pada masa pemerintahan Khalifah ‘Umar b. al-Khaṭṭāb r.‘a. banyak pembaharuan dalam polisi zakat telah dilakukan. Pada masa itu empayar Islam semakin meluas dengan adanya jajahan-jajahan baru. Beliau bukan sahaja meneruskan polisi baginda s.a.w. yang menghantar para pegawai mengutip zakat ke luar pusat pemerintahan, bahkan membina bayt al-māl di setiap kawasan kutipan zakat. Pada zaman Khalifah ‘Utmān b. al-‘Affān r.‘a., harta-harta yang terkumpul di bayt al-māl sangat banyak. Beliau telah membahagikan harta-harta zakat kepada dua, iaitu harta zahir dan harta batin. Harta zahir sahaja yang dikutip oleh pemerintah, manakala harta batin diserahkan sendiri oleh pembayar zakat kepada *asnāf* yang berhak. Pada masa pemerintahan Khalifah ‘Alī b. Abī Ṭālib r.‘a. tidak banyak kemajuan yang dicapai dalam aspek pengurusan zakat. Ini kerana suasana kacau bilau akibat daripada pembunuhan Khalifah ‘Utmān b. al-‘Affān r.‘a.sebelumnya. Demikianlah sejarah amalan kutipan dan agihan zakat di awal Islam.